

A Pilih ayat yang menggunakan perkataan bergaris dengan betul. Membaca : TP4

- 1**
- I Rosli membeli buku latihan di koperasi sekolahnya.
 - II Dua buku tepung gandum digunakan untuk membuat kek itu.
 - III Ibu membeli dua buku roti di kedai Pak Ahmad sebagai sarapan pagi.
 - IV Buku meja itu sangat tajam dan perlu dialihkan dari tempat tersebut.
- A** I dan II **B** I dan III **C** II dan III **D** III dan IV

- 2**
- I Dia berasa kukuh kerana berjaya mendapat keuntungan yang berganda.
 - II Jambatan konkrit adalah lebih kukuh daripada jambatan kayu.
 - III Kita perlu kukuh berusaha untuk mencapai cita-cita yang kita impikan.
 - IV Ekonomi negara kita semakin kukuh kerana telah berjaya menarik banyak pelaburan asing.
- A** I dan II **B** I dan III **C** II dan IV **D** III dan IV

- 3**
- I Pesakit itu berada di dalam unit rawatan rapi.
 - II Siti menyusun buku-buku itu dengan rapi di atas meja.
 - III Rapi sungguh kerja-kerja yang dilakukan oleh budak itu.
 - IV Gambar itu rapi dengan bentuk yang ditonjolkan oleh pelukis jalanan itu.
- A** I dan II **B** III dan IV **C** I, II dan III **D** II, III dan IV

- 4**
- I Dalam kejadian itu, sepuluh nyawa telah diragut.
 - II Sindiran itu memberikan maksud yang sungguh dalam.
 - III Air sungai menjadi dalam akibat hujan lebat yang turun selama dua hari tanpa henti.
 - IV Teguran yang dalam itu amat menggores hati orang yang berada di situ.
- A** I, II dan III **B** I, II dan IV **C** I, III dan IV **D** II, III dan IV

- 5**
- I Sebuah bas telah memotong kereta ayah di lebuhraya itu.
 - II Puan Nazriah memotong sayur sawi yang sudah dicuci itu.
 - III Pembahas itu cepat-cepat memotong bidasan pihak lawan.
 - IV Majikan Haikal telah memotong gajinya kerana dia selalu datang lewat ke pejabat.
- A** I dan II **B** I, II dan III **C** II, III dan IV **D** I, II, III dan IV